

01)Pengenalan Kepada *Fiqh*, Usul *Fiqh* dan Maqasid Syariah

A) FIQH

01. Definisi

- Dari sudut bahasa ianya berasal dari kalimat.
- i) Faqiha (فَقِيهٌ فِقْهًا فِقْهٌ), yang bermakna memahami maksud dari perkataan pembicara ketika terjadi komunikasi.
- ii) Faqaha (فَقْهٌ يَفْقَهُ فِقَاهَةً فَهوَ فَقِيهٌ), yang bermakna faham secara mendalam iaitu menjadi pakar. Pengertian ini lebih khusus lagi dibandingkan pengertian sebelumnya
- Dari sudut Istilah
(العالم بالأحكام الشرعية العملية المكتسب من أدلتها التفصيلية (البناني، حاشية البناني على شرح المحلى، 25/1)
Fiqh: Ilmu yang berkaitan dengan hukum-hukum yang bersifat amali, diinstibatkan dari dalil-dali yang terperinci.
- Pada zahirnya fiqh bukanlah ilmu kerana ianya masih bersifat zanni. Namun disebabkan zann pada fiqh adalah kuat maka ia dianggap ilmu.
- Fiqh merupakan dugaan kuat seorang mujtahid dalam usahanya menemukan hukum Allah

02. Hukum mempelajari ilmu Fiqh

- Fardhu Ain
Mempelajari ilmu fiqh terhadap permasalahan asas yang wajib diketahui oleh setiap muslim seperti bagaimana mengerjakan solat, puasa, zakat dan haji adalah fardhu ain.
- Fardu Kifayah
Mempelajari ilmu fiqh secara lebih mendalam terhadap setiap permasalahan-permasalahan fiqh sehingga mampu menjadi rujukan kepada individu muslim lain adalah fardu kifayah bagi setiap muslim.

03. Pembahagian Fiqh

- Ibadah iaitu hukum-hukum yang berkaitan dengan hubungan manusia dengan Allah. Ia merangkumi ibadah solat, puasa, zakat, haji dan sebagainya.
- Muamalat iaitu hukum-hukum yang berkaitan dengan hubungan manusia sesama manusia. Ianya merangkumi bidang-bidang berikut;
 - a) Hukum-hukum mengenai ahwal shakhsiah (kekeluargaan) yang merangkumi perkahwinan, nafkah, perceraian, perwarisan dan sebagainya.
 - b) Hukum-hukum berkaitan dengan makanan, penyembelihan, perhiasan dan sebagainya
 - b) Hukum-hukum berkaitan dengan harta seperti jual-beli, salam, hiwalah, qirad, gadaian, jaminan, hibah dan sebagainya.
 - c) Hukum-hukum berkaitan dengan sistem pemerintahan dan pentadbiran negara (siyasah syar'iyah) merangkumi kewajipan melantik ketua negara, tanggungjawab pemimpin dan hak serta kewajipan rakyat sebagai warga negara.
 - d) Hukum-hukum tentang kehakiman/pengadilan merangkumi hal-hal berkaitan dengan membuat keputusan (al-qadha), pendakwaan, kesaksian, sumpah, keterangan dan sebagainya.
 - e) Hukum-hukum tentang ahli zimmah (orang bukan Islam yang mendiami dalam negara Islam) merangkumi hak-hak dan tanggungjawab mereka terhadap negara dan sebagainya.
 - f) Hukum-hukum tentang hubungan antarabangsa merangkumi hubungan negara Islam dengan negara-negara luar merangkumi perdamaian dan peperangan
 - g) Hukum-hukum tentang jenayah dan hukuman; merangkumi hukuman hudud, qisas dan takzir.

04. Sumber-sumber ilmu Fiqh

- Sumber-sumber asal:
 - i). Al-Quran
 - ii). As-Sunnah

- Sumber-sumber sokongan
 - i). Ijmak
 - ii). Qiyas
 - iii) Istishab
 - iv) Masalih Mursalah
 - v). Istihsan
 - vi) Sad al-dhari'ah
 - vii)'Uruf
 - viii). Syari'at terdahulu

05. Hubungkait antara fiqh dan Syariat

- Fiqh : Ilmu yang berkaitan dengan hukum-hukum syariat bersifat `amali yang diistinbathkan dari dalil-dalil yang terperinci.
- Syariah: hukum-hukum syariat yang ditetapkan oleh Allah terhadap hamba-hambanya melalui Rasulullah s.a.w.
- Hukum Syarak ialah "Ketetapan dari Allah ke atas perbuatan-perbuatan hamba yang mukallaf sama ada ia perlu dilakukan atau perlu ditinggalkan atau diberi pilihan untuk melakukannya atau meninggalkannya". Ketetapan ini diketahui berdasarkan penelitian terhadap dalil-dalil Syara' iaitu al-Quran, as-Sunnah, Ijma', Qias dan sebagainya oleh para ahli fiqh atau Mujtahid
- Syariat merangkumi 3 ilmu utama:
 - i) akidah, yang menjadi kajian dalam ilmu tauhid.
 - ii) Tingkah laku manusia yang menjadi kajian ilmu akhlaq
 - iii) Perbuatan lahir manusia melibatkan hukum taklifi yang menjadi kajian dalam fiqh
 - Fiqh lebih khusus dari syariah, karena fiqh hanya mengkaji satu bagian dari syariah yang terdiri dari 3 komponen utama.

B) USUL FIQH

01 Definisi

معرفة دلائل الفقه إجمالاً وكيفية الاستفادة منها وحال المستفيد

- Pengetahuan berkaitan dengan dalil-dalil fiqh secara global dan cara bagaimana menggunakannya serta mengetahui keadaan orang yang menggunakannya (mujtahid)

القواعد التي يوصل البحث فيها إلى استنباط الأحكام من أدلتها التفصيلية

Kaedah-kaedah yang kulli yang dapat digunakan untuk menistinbathkan hukum-hukum syarak yang bersifat amali yang diperolehi dari dalil-dalil yang terperinci (tafsili)

02 Skop perbahasan Usul al-Fiqh

- i) Dalil-dalil syarak merangkumi dalil-dalil yang disepakati dan dalil-dalil yang tidak disepakati.
- ii) Dilalah iaitu merangkumi kaedah-kaedah istinbat hukum dari nas-nas Syarak (al-Quran dan al-sunnah).
- iii) Ta'arud dan tarjih iaitu perbahasan tentang percanggahan antara dalil-dalil serta jalan penyelesaiannya.
- iv) Ijtihad dan mujtahid merangkumi persoalan syarat dan sifat mujtahid, taqlid, muqallid, talfiqh dan sebagainya.
- v) Hukum-hukum kulli merangkumi hukum taklifi dan hukum wad'i

03) Faedah Mempelajari Usul al-Fiqh

- i) Mengetahui kaedah-kaedah hukum dan cara digunakan oleh mujtahid justeru tidak bertaqlid
- ii) Memelihara agama dari penyalahgunaan dalil oleh ulama-ulama palsu.
- iii) Dapat melakukan pentarjihan terhadap pandangan para ulama silam
- iv) Mengetahui kekuatan dan kelemahan sesuatu pendapat sehingga mampu dibuat pentarjihan bersesuaian dengan zaman, tempat dan situasi semasa
- v) Dapat meninstibatkan hukum-hakam Islam yang bersifat semasa dan setempat
- vi) Mampu menghargai pandangan ulama silam sehingga tidak menghuku mereka sebagai sesat dan sebagainya
- vii) Memberi kesedaran kepada orang awam bahawa hukum Islam tidak boleh direkapipta oleh akal manusia tetapi bersandarkan kaedah yang bersumberkan wahyu.

04) Hukum mempelajari Usul al-Fiqh

Fardhu kifayah

Pertumbuhan dan Perkembangan Usul al-Fiqh

a) zaman Rasulullah

- Hukum diambil dari wahyu melalui penjelasan Rasulullah s.a.w. sendiri
- Terdapat juga kalangan Sahabat yang dibenarkan melakukan ijtihad disebabkan jarak lokasi yang jauh dari Rasulullah misalnya Muaz bin Jabal yang diutuskan ke Yaman.

b) zaman Sahabat

- Sebarang masalah dirujuk kepada para Sahabat kerana mereka mampu mengistinbatkan hukum terus dari Al-Quran dan al-Sunnah disebabkan beberapa faktor iaitu..
 - i) penguasaan bahasa arab yang baik membolehkan mereka memahami Al-Quran dan sunnah dengan tepat.
 - ii) Mengetahui asbab nuzul al-Quran dan asbab al-wurud sesebuah hadis
 - iii) Kebanyakan mereka adalah perawi hadis .

c) Zaman Tabi'in

- Para Tabi'in akan merujuk kepada Sahabat sebelum melakukan ijtihad.
- Di antara tokoh mujtahid di zaman tersebut Sa'id bin Musayyab, 'Urwah bin Zubayr, Qadi Syurayh dan Ibrahim al-Naqafi.

d) Zaman kemunculan Usul al-Fiqh

- Keperluan menyusun ilmu Usul al-Fiqh muncul pada abad ke dua hijrah disebabkan
 - i) banyak masalah baru muncul
 - ii) Penguasaan bahasa arab dalam kalangan orang-orang Arab agak lemah hasil dari percampuran mereka dengan orang Ajam.
- Imam Muhammad bin Idris al-Syafi'i dianggap sebagai pengasas llimu ini melalui kitabnya al-Risalah
- Kitab ini membincangkan tentang Al-Quran sunnah dari segi kehujahan serta kedudukan kedua-dua sebagai sumber penentuan hukum. Begitu juga membahaskan sumber hukum yang lain seperti qiyas, ijmak dan aqwal al-sahabah.
- Imam Syafi'i mengambil pendekatan pertengahan (kompromi) iaitu lebih banyak mengguna al-ra'y tapi tidak seluas Abu Hanifah, mengguna pakai hadis tetapi tidak seluas Imam Malik

05) Metode Penulisan Usul al-Fiqh

a). Tariqat al-Mutakallimin (tariqat al-Syafi'iyah)

- Dimulai dengan para ulama Syafii iaitu menghubungkan dalil dengan mantiq.
- -Membina kaedah2 usul fiqh serta mengukuhkannya dengan dalil2 naqli dan 'aqli justeru dijadikan asas untuk menyelesaikan masalah hukum.
- Tidak memasukkan masalah fiqh bahkan dibiarkan berasingan dalam kitab-kitab fiqh
- Karya-karya yang termasuk dalam kumpulan ini ialah:
 - i). al-Burhan oleh Imam al-Haramain Abd al-Malik bin Abd Allah al-Juwayni (m. 413H)
 - ii). al-Mu'tamad oleh Abu al-Husayn Muhammad bin Ali al-Basri (m. 413H)
 - iii) al-Mustasfa min ilm al-Usul oleh al-Imam al-Ghazali (m. 505H)

- iv) al-Mahsul oleh Fakhr al-Din al-Razi (m. 606H)
- v) al-Ahkam fi Usul al-Ahkam oleh al-Imam Sayf al-Din al-Amidi (m. 631H)

b) Tariqat al-Fuqaha'(Tariqat al-Ahnaf).

- Kaedah-kaedah Usul fiqh dibuat berdasarkan hukum-hukum yang telah diputuskan oleh imam-imam mazhab mereka.
- Karya-karya dalam kumpulan ini ialah:
 - i) Kitab al-Usul oleh Abu al-hasan al-Karakhi (m 340H)
 - ii) Kitab al-Usul oleh Abu Bakr Ahmad bin Ali al-Jassas (m. 370H)
 - iii) Kitab al-Usul oleh Abu Zaid Abdullah al-Dabusi (m. 430H)
 - iv) Kitab al-Usul oleh Fakhr al-Islam Ali bin Muhammad al-Bazdawi (m. 482H)
 - v) Kitab al-Usul oleh Shams al-Immah ibn Ahmad al-Sarkhasi (m. 483H)
 - vi) Kitab Kasyf al-Asrar oleh Abd al-Aziz bin Ahmad al-Bukhari (m. 730H)

c) Gabungan antara keduanya

- Karya-karya dalam bentuk ini ialah:
 - i). Kitab Badi' al-Nizam oleh Muzaffar al-Din Ahmad bin Ali al-Sa'ani al-Hanafi (m. 639H) yang menggabungkan karya al-Bazdawi dengan kitan al-Amidi
 - ii) Kitab al-Tanqih al-Usul dan syarhnya al-Tawdhih oleh Sadr al-Syariat Abd Allah bin Mas'ud al-Hanafi (m. 747H)
 - iii). Kitab Jam' al-Jawami' oleh Taj al-Din Abd al-Wahhab bin Ali al-Subki al-Syafi'i (m. 771H)
 - iv) al-Muwafaqat oleh al-Imam al-Syatibi (m. 790H) telah menggabungkan Usul al-Fiqh dan maqasid al-syari'ah
 - v) Kitab al-Tahrir oleh Kamal al-Din ibn Humam (m861H)

C) MAQASID SYARIAH

01. Definisi Maqasid

- Terdapat 3 perkataan yang digunakan iaitu:
 - i) Maqasid al-Shari'ah (Objektif Syariah)
 - ii) Maqasid al-Shari' [Objektif Penggubal Syariah (Allah)]
 - iii) al-Maqasid al-Shari'yyah (Objektif Syarak)
 - Kesemuanya merupakan perkataan-perkataan yang digunakan untuk menunjukkan makna yang sama
- Dari sudut bahasa jamak dari perkataan Maqsad, iaitu qasad yaqsud qasdan wa maqsadan. al-Qasd dari sudut bahasa mempunyai pelbagai makna, di antaranya: Bercita-cita (al-i'tizam), pegangan (al-i'timad), bersengaja (al-amm), meminta sesuatu dan mendatangkannya. Di antara makna ini adalah hadis Nabi s.a.w. (فكان رجل من المشركين إذا شاء أن يقصد إلى رجل من المسلمين قَصَدَ له فقتله.). Jalan yang benar/lurus (istiqamat al-tariq). Di antaranya firman Allah s.w.t. ((وعلى الله قصد السبيل ومنها جائر))

Dan kepada Allah jualah tertentunya urusan memberi panduan yang menerangkan jalan yang lurus; dan di antara jalan-jalan yang dituju ada yang terpesong dari kebenaran; dan jika Ia kehendaki, tentulah Ia memberi petunjuk kepada kamu semua (yang menyampaikan ke jalan yang lurus itu). [al-Nahl:9]

- Al-Qasd merupakan sebahagian dari jalan yang lurus yang tidak ada penyelewengan dari kebenaran.
 - Keadilan di antara ifrat (melampaai batasan) dan tafrit (mensia-siakan) Di antaranya ialah firman Allah s.w.t
- i) ((ومنهم مقتصد))
Di antara mereka ada yang pertengahan (Fathir: 23)

Kemudian Kami jadikan Al- Quran itu diwarisi oleh orang-orang yang Kami pilih dari kalangan hamba-hamba Kami; maka di antara mereka ada yang berlaku zalim kepada dirinya sendiri (dengan tidak mengindahkan ajaran Al-Quran), dan di antaranya ada yang bersikap sederhana,

ii) ((واقصد في مثنيك))

"Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan .."

- Dekat (*al-qurb*). Di antaranya firman Allah s.w.t [Iuqman:19]

((لو كان عرضاً قريباً وسفراً قاصداً))

Kalau apa yang engkau serukan kepada mereka (wahai Muhammad) sesuatu yang berfaedah yang sudah didapati, dan satu perjalanan yang sederhana (tidak begitu jauh), nescaya mereka (yang munafik itu) akan mengikutmu' [al-Tawbah: 42]

- Makna pertama merupakan makna yang asal . Maqasid merupakan matlamat yang ingin dicapai dalam melakukan sesuatu. Dalam konteks ini maqasid yang dimaksudkan ialah maqasid atau objektif yang diletakkan oleh syara' dalam mensyariatkan hukum

02 Definisi al-Shari'ah

2.1 Bahasa

Syariah berasal dari kata shra'a, yang bermaksud memperkenalkan, mengadakan dan menetapkan. Dari sudut bahasanya ianya bermaksud:

- Jalan menuju sumber air yang diminum oleh manusia. Orang Arab tidak menamakannya sebagai syariat sehinggalah air tersebut telah tersedia dan tidak terputus iaitu ianya telah zahir dan jelas dan tidak diminum dengan percikan.
- Sesuatu yang disunnahkan (diwujudkan) oleh Allah daripada urusan agama dan diperintahkan untuk melakukannya (ما سن الله من الدين وأمر به)

Di antaranya ialah firman Allah s.w.t.

((ثم جعلناك على شريعة من الأمر فاتبعها))

Kesudahannya Kami jadikan engkau (wahai Muhammad dan utuskan engkau) menjalankan satu Syariat (yang cukup lengkap) dari hukum-hukum agama [al-Jathiyah: 18]

- Agama (الملة والدين)
- Di antaranya firman Allah s.w.t.
((لكل جعلنا منكم شرعة ومنهاجا))

Dan kami telah tetapkan atas mereka di dalam kitab Taurat itu, bahawa jiwa dibalas dengan jiwa, dan mata dibalas dengan mata [al-Maidah:48]

2.2 Istilah

- **Ibn Hazm:** Sesuatu yang disyariatkan Allah melalui lisan NabiNya dalam urusan agama dan melalui lisan para Anbiya' sebelumnya yang dinasakhkan hukumnya.
- **Ibn Taymiyyah:** Nama Syariat dan Syarak dan Syir'ah merangkumi semua yang disyariatkan oleh Allah daripada aqidah dan perbuatan-perbuatan.
- **Al-Syakh Manna' al-Qattan:** Sesuatu yang disyariatkan oleh Allah untuk hambanya daripada aqidah, ibadat, akhlaq, muamalat dan susunan dari pelbagai kehidupan mereka demi merealisasikan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.
[ما شرع الله لعباده من العقائد والعبادات والأخلاق والمعاملات، ونظم الحياة في شعبيها المختلفة لتحقيق سعادتهم في الدنيا والآخرة]
- Secara umumnya syariat itu merangkumi:
 - i) Ilmu kalam yang berkaitan dengan aqidah
 - ii) Ilmu Fiqh yang merangkumi tindak tanduk manusia dari amalan berbentuk ibadat, muamalat dan uqubat.
 - iii) Ilmu akhlaq, iaitu ilmu yang merangkumi perbersihan diri dan pembinaan diri dari kelebihan yang wajib diraih dan kehinaan yang wajib dijauhi

2.3 Definisi Maqasid al-Shari'ah

- Kebanyakan pengkaji ilmu *maqasid al-shari'ah* membuat kesimpulan bahawa para ulama Mutaqaddimin tidak menyatakan secara jelas definisi *maqasid al-shari'ah*. amun nilai-nilai maqasid

dan keutamaan menjadikan *maqasid al-sharia'*ah sebagai piwaian utama sentiasa diutamakan oleh mereka.

- Berdasarkan kepentingan *maqasid al-shariah*, pelbagai tanggapan mengenainya dinyatakan oleh para ulama silam.

- Al-Izz bin Abdul Salam misalnya menyatakan "Syariat itu semuanya masalah, samada menolak kejahatan atau menarik kebaikan..."
- Ibn Qayyim pula mempunyai pandangan yang serupa dengan menyatakan: *Syariat Islam dibina dan diasaskan di atas hikmat-hikmat dan masalah-masalah kebaikan hamba Allah (manusia) di dunia dan di akhirat.*

[فإن الشريعة مبناهما وأساسها على حكم ومصالح العباد في المعاش والمعاد]

وهي عدل كلها ورحمة كلها ومصالح كلها وحكمة كلها،]

- Ada yang menyifatkan *maqasid* sebagai mengelakkan kesusahan atau *masyaqqah*. Ini sebagaimana yang dikemukakan oleh Ibn al-Arabi dengan kata-katanya " Tidak harus membebankan seseorang dengan apa yang ia tidak mampu".
- Ungkapan ulama silam berkaitan dengan *Maqasid*
Para ulama terdahulu hanya menyatakan *maqasid al-shari'ah* dari sudut hasil dan tujuannya sahaja. Ini dapat dilihat sebagaimana berikut:
i) Al-Ghazzali; "Matlamat Syarak terhadap manusia ialah lima iaitu penjagaan agama, diri, akal, keturunan dan harta".
[المقصود من شرع الحكم إما جلب مصلحة أو دفع مضرّة أو مجموع الأمرين]
ii) Al-Amidi; "Matlamat dari pensyariatkan hukum sama ada untuk mencapai kemaslahatan atau menolak kemudaratan ataupun kedua-duanya sekali".
iii) Al-Shatibi; "Pentaklifan-pentaklifan Syarak semuanya bertujuan memelihara matlamatnya terhadap manusia".
[تكاليف الشريعة ترجع إلى حفظ مقاصدها في الخلق]
"Sesungguhnya maksud Syarak terhadap sesuatu pensyariatkan ialah mencapai kemaslahatan di akhirat dan di dunia".
[أن الشارع قد قصد بالتشريع إقامة المصالح الأخروية والدنيوية]

Definisi ulama mutakhirin

i) Ibn Ashur: *maqasid al-shari'ah* secara umum sebagai; "Makna-makna dan *hikmah-hikmah* yang diambil kira oleh Syarak dalam keseluruhan atau sebahagian dari aspek pensyariatannya. Ia tidak dikhususkan kepada hukum-hukum tertentu sahaja dari hukum-hakam syariat bahkan merangkumi sifat-sifat Syariat dan motifnya secara umum serta makna-makna yang tidak sunnyi dari pemerhatian Syarak.

[المعاني والحكم الملحوظة للشارع في جميع أحوال التشريع أو معظمها ، بحيث لا تختص ملاحظتها بالكون من نوع خاص من أحكام الشريعة، فيدخل في هذا الأوصاف الشريعة وغايتها العامة والمعاني التي لا يخلو التشريع عن ملاحظتها]

Manakala secara khususnya beliau menyatakan: cara yang digunakan oleh syariah bagi merealisasikan kepentingan umum melalui tindak- tanduk individu.

[هي الكيفيات المقصودة للشارع لتحقيق مقاصد الناس النافعة أو لحفظ مصالحهم العامة في تصرفاتهم الخاصة]

- ii) Allal al-Fasi; "Matlamat dan rahsia-rahsia yang telah ditentukan oleh Syarak terhadap semua hukum-hakam". [الغاية منها، والأسرار التي وضعها الشارع عند كل حكم من أحكامها].
- iii) Dr. Muhammad bin Sa'ad al-Yubi; "Makna-makna dan *hikmah-hikmah* dan seumpamanya yang diraikan oleh Syarak terhadap pensyariatannya sama ada umum ataupun khusus, bertujuan mencapai kemaslahatan manusia".
- iv) Dr. Ahmad al-Raysuni menyatakan *maqasid al-Shari'ah* merupakan matlamat yang ditentukan oleh Syarak untuk merealisasikan kemaslahatan manusia.

[مقاصد الشريعة هي الغايات التي وضعت الشريعة لأجل تحقيقها لمصلحة العباد]

- Kesimpulan takrif: *maqasid al-shar'ah* merupakan matlamat yang hendak dicapai di sebalik pensyariaan sesuatu hukum Syarak terhadap manusia sama ada umum ataupun khusus. Matlamat tersebut ialah mencapai kemaslahatan manusia di dunia dan di akhirat. Manakala cara ataupun wasilah untuk mencapai kemaslahatan tersebut ialah dengan mengambil kira kepentingan lima perkara asas sebagaimana dinyatakan oleh al-Ghazzali.

03.Pembahagian Maqasid

a) *Maqasid 'Ammah*

laitu makna-makna ataupun hikmah-hikmah yang diambilkita oleh syariah dalam menentukan semua atau sebahagian besar hukum-hukumnya.

Dii antara contohnya:

i) *Jalb al-Masalih wa Dar' al-Mafasid*

- قال الشاطبي: المعلوم من الشريعة أنها شرعت لمصالح العباد فالتكليف كله إما لدرء مفسدة، وإما لجلب مصلحة أو لهما معا
- قال ابن عثور: إن المقصد الأعظم من الشريعة هو جلب الصلاح ودرء الفساد
- Pencapaian masalah dan penolakan mafsadah merupakan maqasid utama yang diraikan oleh Syarak dalam semua situasi pensyariatannya sama ada merangkumi dunia mahupun akhirat
- Semua maqasid yang lain bahkan al-daruriyyat al-khams termasukdi bawahnya kerana kekalnya daruriyah dan pemeliharaan terhadapnya adalah manakala hilangnya masalah merupakan mafsadah.

ii) *al-Taysir wa Raf' al-Haraj*

- Ia merupakan maqasid yang pasti merangkumi semua pensyariaan Syarak dalam ibadat, muamalat, adat dan jinayah

iii) *al-Adl bayn al-nas*

iv) menegakkan keadilan, menghasilkan kebaikan, menolak keburukan dan kesamarataan antara manusia.

b) *Maqasid khassah*

laitu makna-makna ataupun hikmah yang diambilkita oleh syariah dalam menentukan sesuatu kelompok hukum tertentu ataupun bab-bab tertentu dari Syariat Islam. Contohnya maqasid muamalat secara umum, maqasid munakahat secara umum, maqasid yang berkaitan dengan bab taharah (suci) secara umum dari bab ibadat, maqasid jual beli secara keseluruhannya dari bab muamalat dan sebagainya.

Di antaranya ialah:

- Dalam ibadat : الأصل في العبادات التبعيد وعدم التعليل
- قال الشاطبي: إن مقصود العبادات الخضوع لله، والتوجه إليه والتذلل بين يديه والإتيان تحت حكمه...
- Dalam muamalat: الأصل في العادات الالتفات إلى المعاني
- المعاملات لها مقصد كلي تشترك فيه وهو أنها موضوعة لمصالح العباد، لذا كان الأصل فيها الالتفات إلى المعاني
- إن المقصد الكلي الذي تدور عليه الجنايات والعقوبات هو مصلحة الجبر والزر

c) *Maqasid Juz'iyah*

laitu maqasid yang diambilkita oleh syariah dalam menentukan sesuatu hukum tertentu ataupun berdasarkan dalil tertentu. Ianya merangkumi:

- Hukum taklifi iaitu wajib, haram, sunat, makruh dan harus
 - Hukum wada'i syarat, sabab, mani', illah,.
 - Hikmah (rahsia) Syarak secara khusus dari hukum-hakam cawangan
- Al-Contohnya hikmah khusus dalam solat, jual beli dan lain-lain dari hukum-hakam furuk.

d) *Maqasid Asliyyah*

Objektif-objektif Syarak pada asal dan permulaan sesuatu hukum. Apabila Allah mewajibkan sesuatu hukum kepada mukallaf sebagai survival kehidupan mereka dengan menyempurna dan memelihara keperluan mereka yang daruri. Maqasid asliyyah dalam jual beli ialah pemilikan dan pemanfaatan terhadap harta.

e)Maqasid Tabiyyah

Maqasid yang dikehendaki oleh Syarak untuk menyempurnakan maqasid asliyyah. Misalnya maqasid tab'iyyah bagi perkahwinan ialah menikmati persetubuhan.

04 Faedah-faedah memahami maqasid

- Menolong seseorang mukallaf dalam melaksanakan kewajipan Syarak dengan sebaik mungkin dari tata cara dan keyakinan diri. Ini kerana mereka dapat memahami bahawa semua syariat Islam itu adalah untuk mencapai kebaikan di dunia dan di akhirat.
- maqasid akan meyakinkan lagi bahawa islam itu datang untuk memberi masalah dan kebaikan kepada manusia di dunia dan di akhirat. Justeru, individu muslim akan lebih rasional dan bersemangat dalam melakukan suruhan Allah Taala.
- Melalui kefahaman yang jelas terhadap ilmu maqasid syara' seseorang mukallaf itu mampu memberi kefahaman yang jelas kepada seseorang mukallaf terhadap tujuan dan hikmah pensyariatan sesuatu hukum samada secara keseluruhannya atau sebahagiannya.
- Memberi kekuatan kepada seseorang faqih dalam menistinbatkan hukum hakam semasa sejajar dengan objektif Syarak berdasarkan kefahaman sebenar terhadap hukum, batasannya dan aplikasinya.
- Mengurangkan percanggahan dan perdebatan fiqh dan ketaasuban mazhab berdasarkan penguasaan maqasid al-shariah.
- Mampu membuat kompromi secara bijaksana di antara berpegang kepada zahir nass dan mengambil kira roh dan petunjuk dalil sebenar. Hal ini mampu mengelak seorang faqih itu dari tergelincir dalam membuat fatwa semasa.
- Memperkembangkan lagi perbahasan dan topik-topik perbincangan yang mempunyai hubungan rapat dengan ilmu maqasid seperti *maslahah*, *qiyas*, *zara'i* dan sebagainya. Hal ini dapat menjadikan ilmu Usul al-Fiqh sebagai ilmu yang sentiasa berkembang bukannya jumud.

05. Istilah-istilah lain yang berkaitan dengan *maqasid*

a)al-Hikmah

- Membawa erti yang sama dengan maqasid. Namun istilah ini lebih banyak diguna pakai oleh para fuqaha berbanding ulama Usul.
- Ibn Rusyd menyifatkan maqasid sebagai hikmah pensyariatkan hukum. Al-hikmah membawa erti yang sama dengan maqasid. Istilah al-hikmah lebih kerap digunakan oleh fuqaha. Contohnya Ibn Farhun berkata: "Dan adapun hikmah qada ialah mengangkat kacau bilau, menolak bala bencana, mencegah orang zalim, membantu yang dizalimi, memutuskan pertikaian, menyuruh yang ma'ruf dan mencegah kemungkaran".
- Bagi Ulama usul istilah ini merujuk samada:
 - i)Objektif hukum berkenaan misalnya mencapai kebaikan ataupun
 - ii)Kesesuaian sesuatu hukum (*al-ma'na al-munasib*). Contohnya menolak masyaqqah adalah hikmah kepada sesuatu hukum yang mempunyai *rukhsah*.

ii)°Illah

- Sesungguhnya para ulama tidak bersependapat dalam penentuan terhadap definisi °illah. Walau apa pun pendefinisian yang dikemukakan, apabila mereka memperkatakan tentang °illah maka tidak dapat tidak ianya secara langsung dikaitkan dengan dua perkara berikut:
 - i)*Hikmah* iaitu yang menjadi matlamat dalam penetapan hukum. Menurut Ulama Usul *hikmah* ialah tujuan ataupun matlamat yang dikehendaki dari sesuatu yang disyariatkan oleh Illahi iaitu mencapai kemaslahatan dan penyempurnaan terhadapnya serta penolakan terhadap kemudaratan dan pengurangan terhadapnya. Oleh itu apa yang dimaksudkan °illah itu sendiri pada hakikatnya adalah *hikmah*. Misalnya demi menolak kesukaran (*mashaqqah*) dan mencapai

keselesaian dalam peribadatan maka dibolehkan *qasr* solat empat waktu dan berbuka puasa bagi mereka yang bermusafir.

ii) Makna yang sejajar dengan pensyariatannya sesuatu hukum iaitu sesuatu yang disebabkan kerananya maka dijadikan sifat yang jelas (*wasf zahir*) dari perbuatan itu sebagai *illah* seperti percampuran keturunan, sifat yang jelas dapat dinilai oleh akal sebagai tujuan diharamkan perzinahan dan ianya suatu yang munasabah dengan hukuman Hudud yang dikenakan. Begitu juga kesulitan (*mashaqqah*) yang dinisbahkan kepada musafir. Kesulitan merupakan sifat yang bersesuaian dikaitkan dengan kebolehan meng*qasr*kan solat dalam permusafiran.

- Apabila *illah* itu sendiri terangkum padanya *hikmah* manakala *hikmah* pula merupakan tujuan hukum yang disyariatkan maka *maslahah* dan *mafsadah* itu sekali gus terangkum dalam *hikmah* yang dinisbahkan kepada *illah* pada asalnya. Pertautan ini amat jelas sekali apabila al-Shatibi menyamakan *illah* dengan *hikmah* dan *maslahah* mahupun *mafsadah* yang dikaitkan dengan perintah dan tegahan. Manakala mencapai *maslahah* dan menolak *mafsadah* itu merupakan hakikat sebenar *maqasid al-shari'ah*.

iii) al-Maslahah

- Imam al-Ghazzali boleh dianggap di kalangan Ulama Usul yang terawal mendefinisikan *maslahah* walaupun dari sudut perletakkan istilah beliau lebih mengguna pakai istilah *istislah*.
- Beliau mendefinisikan *maslahah* sebagai suatu pernyataan terhadap pencapaian manfaat dan penolakan kemudaratan. Namun menurut beliau apa yang dimaksudkannya itu bukanlah mencapai manfaat dan menolak kemudaratan demi memenuhi kehendak dan tujuan manusia tetapi untuk memelihara tujuan-tujuan Syarak iaitu menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Oleh itu baginya setiap perkara atau tindakan yang mengandungi penjagaan ke atas lima perkara ini dianggap *maslahah* dan setiap perkara mahupun tindakan yang mencabuli lima perkara ini dianggap *mafsadah* (kerusakan). Manakala pencegahan dan penolakannya pula dianggap *maslahah*.
- Bagi Imam al-Ghazzali *maqasid* dan *maslahah* adalah dua istilah yang membawa makna yang sama.
- Manakala *maslahah* bagi Ibn Abd al-Salam ialah sesuatu yang membawa pencapaian *maslahah* dan membawa kepada penolakan *mafsadah*.
- Semua ulama Usul menganggap *maslahah* tidak dianggap *maslahah* hakiki kecuali ia sejajar dengan kehendak Syarak. Oleh itu tidak ada perbezaan di antara *maslahah* dengan *maqasid*. Misalnya disebut *maslahah* Shari (Pembuat hukum) daripada pensyariatannya hukuman hudud adalah untuk menyerikkan (*al-zajr*). Maka dikatakan juga *maqasid* (motif) Syari' dari pensyariatannya hukuman hudud adalah untuk menyerikkan juga.

iv) al-munasabah

- Di antara metode-metode yang diguna pakai oleh mujtahid dalam menghasilkan *illah* ialah *al-munasabah*.
- *Al-Munasabah* ialah kesesuaian di antara sifat dengan hukum iaitu penetapan sesuatu hukum berdasarkan sifat yang membawa tercapainya *maslahah* dan ternafinya *mafsadah* dari manusia. Ianya sinonim dengan *maslahah*, *ikhalah*, pemeliharaan tujuan-tujuan Syarak (*r'ayat al-maqasid*) dan *takhrij al-manat*. Golongan yang tidak menjadikan *maslahah* *mursalah* ataupun *istislah* sebagai dalil tersendiri membicarakan *maslahah* melalui perbicaraan *qiyas* khususnya melalui metode *illah* yang dikenali sebagai *al-munasabah* ataupun *al-munasib*.
- *Munasabah* ataupun *munasib* ini merupakan metode yang paling penting dalam *qiyas* malah ia adalah tunggak kepada *qiyas*. Metode ini digunakan oleh para mujtahid dalam kebanyakan masalah hukum-hakam yang melibatkan ijtihad semasa.
- Apabila *illah* hukum tidak didapati dalam *nass* ataupun *ijma'* maka para mujtahid akan mengguna pakai metode *al-munasabah* iaitu dengan mencari sifat yang munasabah dengan hukum.
- Kepelbagaian kefahaman dan penggunaan *al-munasabah* sebagai metode utama *illah* oleh para Ulama Usul menyebabkan berlakunya perbezaan hukum-hakam yang *diistinbatkan*. Oleh itu metode *al-munasabah* ataupun *maslahah* ini memerlukan standard yang jelas kerana ia

melibatkan kontradiksi di antara satu sama lain khususnya di antara *masalah* dengan *mafsadah*.

- Perbicaraan al-munasabah dan masalah adalah sama kerana masalah mengandungi munasib sedangkan munasib merupakan salah satu metode untuk penjelmaan illah. Manakala illah pula hendaklah seiring dengan munasib. Semuanya mempunyai kaitan rapat dengan *maqasid al-shari'ah*.

v) *Al-ma'na*

- Dari segi penggunaannya, istilah al-ma'na adalah sierti dengan maqasid
- Namun ia lebih banyak diterima pakai oleh golongan fuqaha terdahulu seperti al-Syatibi, al-Ghazali dan al-Tabari.
- Dikatakan disyariatkan hukum ini demi mencapai makna tertentu atau maqsad (motif) tertentu.

06. Kepentingan Maqasid Syariah dalam bidang Muamalat

- Dijadikan piawaian utama dalam menentukan sesuatu permasalahan semasa melibatkan muamalat bertepatan dengan kehendak syarak ataupun tidak.
- Dapat menghasikan hukum yang benar membawa kemaslahatan kepada manusia dan menolak kemudaratan terhadap mereka
- Maqasid Asliyyah bagi muamalat (al-mal)
 - i) Keadilan dalam pemilikan harta
الأصل في المعاملات والمقاييس الات تعادل
-Islam mengharamkan penipuan, perampasan, kecurian
 - ii) Keabsahan terhadap pemilikan harta (thabat al-amwal)
-Setiap aktiviti akad jual beli dalam Islam menyumbang kepada pemilikan harta yang sah
-Pemilikan harta telah sabit apabila ianya dilakukan berdasarkan tuntutan Syarak
الأصل في العقود اللزوم بالخيار عارض
iii) Peredaran harta (rawaj al-amwal)
-Harta mesti berlegar dalam kalangan seramai mungkin individu melalui mekanisme dan cara yang betul
-Tidak boleh monopoli
-mensyariatkan musyarakah, qard di samping mengharuskan bentuk gharar yang sedikit (yasir)
 - iv) pengembangan harta (al-istithmar wa al-tanmiyyah)
-Harta mesti dikembangkan melalui pelbagai instrumen yang disyariatkan supaya ia boleh menjana ekonomi ummah.
-Harta dikembangkan agar keuntungan terhadap harta tersebut sentiasa bertambah
-Pengembangan ini tidaklah boleh menggugat kepentingan ummah misalnya menjual harta dengan harga yang terlalu tinggi sehingga dimiliki oleh golongan bukan Islam.
 - v) Keterbukaan dalam aktiviti muamalat (al-wuduh)
-Aktiviti muamalat hendaklah bebas dari sebarang unsur yang boleh membawa kepada pertelingkahan, persemgketaan, dan kemudaratan
-Diharamkan segala akad yang tidak jelas kedudukan
كل عقد يؤدي إلى الجهالة فهو مبطل
-Jual beli harga bertanggung oleh penjual kedua kepada pembeli kedua dalam kontrak murabahah mesti dijelaskan kedudukannya jika jual beli pertama adalah bertanggung.

Wallah a'lam bi al-sawab